

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	9/3/2011

# Memoir Tun M: Tak silap pecat Anwar

## PEMECATAN ANWAR

Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam buku memoirnya bertajuk *A Doctor In The House: The Memoirs Of Tun Dr. Mahathir Mohamad* yang dilancarkan semalam mengaku membuat banyak silap tetapi memecat Datuk Seri Anwar Ibrahim bukan satu kesilapan.

## MENGENAI KUAN YEW

Menteri Mentor Singapura, Lee Kuan Yew pernah menaruh harapan untuk menjadi perdana menteri sebuah negara yang besar seperti Malaysia.

" Buku tersebut merupakan memoir dan pengalaman hidup saya selama 85 tahun yang mengisahkan pelbagai perkara yang boleh dijadikan panduan dan yang perlu dielakkan oleh semua orang dalam kehidupan mereka

- TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD

## BANGGA SEBAGAI MELAYU

Dr. Mahathir mengaku beliau seorang Melayu dan berbangga dengannya. Beliau juga mengaku mempunyai sedikit darah keturunan India atau lebih tepat lagi Asia Selatan.

## KEDUDUKAN KU LI

Jika Tengku Razaleigh lebih bersabar, beliau bukan sahaja boleh menggantikan Tun Musa Hitam sebagai Timbalan Perdana Menteri tetapi juga berpeluang menjadi Perdana Menteri.

Berita penuh di muka 6



DR. MAHATHIR Mohamad bersama bukunya, *A Doctor In The House: The Memoirs Of Tun Dr. Mahathir Mohamad*.